



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 11 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	GANTUNG PERLEMBAGAAN NAFAS TIADA KAITAN DENGAN POLITIK -MAT SABU, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	GANTUNG NAFAS BUKAN UNTUK SINGKIR ORANG UMNO, MUKA DEPAN, SH -1	
3.	GANTUNG PERLEMBAGAAN NAFAS TIADA KAITAN POLITIK, NASIONAL, SH -4	
4.	GANTUNG PERLEMBAGAAN NAFAS TIADA KAITAN IDEOLOGI POLITIK, NASIONAL, BH -5	
5.	DEDAHKAN SIAPA PEMIMPIN NAFAS TIDAK GUNA ITU, DALAM NEGERI, UM -4	
6.	'ACTIONS AGAINST NAFAS NOT POLITICAL', NEWS, NST -6	
7.	13,000 PETS VACCINATED AGAINST RABIES, NATIONAL, THE SUN -4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8.	BANGKAI IKAN LUMBA-LUMBA DI TELUK BAHANG, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	FAMA RECEIVES 6,000 FOOD KITS FROM NADMA FOR PAHANG FLOODS VICTIMS, NST -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10.	AUTHORITY EXPANDS MARKET ACCESS TO BRING FARMER'S PRODUCE TO MAJOR SUPERMARKETS, THE EDGE -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
11.	PENANG DOE INVESTIGATES SUSPECTED POLLUTION NEAR FLOATING MOSQUE, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
12.	LINDUNGI RISIKO KERUGIAN, LOKAL, HM -8	AGROBANK
13.	STTP AGROBANK LINDUNGI RISIKO KERUGIAN PESAWAH, NASIONAL, BH -14	
14.	AGROBANK PADI SCHEME BOOSTS PROTECTION, NEWS, NST -8	
15.	JOHOR WARTAKAN TANAH PROJEK KETERJAMINAN MAKANAN, JOHOR BHARU, SH -27	LAIN-LAIN
16.	PULUHAN TAHUN PESAWAH 'DIMAIN' KARTEL, DALAM NEGERI, UM -8	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Gantung perlembagaan NAFAS tiada kaitan dengan politik – Mat Sabu



Mohamad Sabu

IPOH – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata penggantungan perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) awal bulan ini tiada kaitan dengan politik.

Beliau berkata penggantungan berkenaan telah dibincangkan bersama dengan Timbalan Perdana

Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebelum keputusan dicapai.

“Spekulasi yang dimainkan ialah Amanah (Parti Amanah Negara) mahu kuasai NAFAS dengan membuang semua orang UMNO dalam NAFAS... ia (sebenarnya) tiada kena-mengena dengan politik dan Datuk Seri Ahmad Zahid (juga) bersetuju dan sokong (bahawa ia tidak membabitkan politik).

“Kita mahu membuat perubahan tatakelola yang lebih baik,” katanya dalam sidang media selepas merasmikan Konvensyen Amanah Negeri Perak 2024, di sini hari ini.

Perlembagaan NAFAS digantung berkuat kuasa 1 Nov lepas bagi menambah baik tatakelola dan tadbir urus pertubuhan berkenaan dengan arahan dikeluarkan di bawah Seksyen 20 (1) Akta Pertubuhan Peladang 1973 susulan konflik dalaman dan ketidakharmonian yang telah menjejaskan operasi serta fungsinya.

Khamis lepas bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Zainal Rahim Seman dilantik sebagai Pengerusi Majlis Penasihat NAFAS.

Sementara itu Mohamad berkata ahli majlis penasihat baharu merangkumi pengerusi, tiga orang anggota majlis penasihat dan lima orang pentadbir telah menjalankan tugas dan akan merangka struktur serta reformasi baharu NAFAS. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2024	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

GANTUNG NAFAS BUKAN UNTUK SINGKIR ORANG UMNO

MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memberitahu tindakan menggantung ahli jemaah pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mendapat sokongan penuh daripada Timbalan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau turut menjelaskan tindakan itu tiada kaitan dengan parti politik selain menafikan spekulasi ia dilakukan untuk menyingkir orang UMNO dalam Nafas.

4



Gantung perlembagaan Nafas tiada kaitan politik

Mohamad dakwa tindakan dapat sokongan penuh daripada Ahmad Zahid

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mendakwa tindakannya terhadap Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mendapat sokongan penuh daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Menurutnya, sebelum tindakan penggantungan ahli jemaah pengarah serta siasatan dibuat terhadap Nafas, pertemuan telah dibuat dengan Presiden UMNO itu bagi menjelaskan perkara tersebut.

Jelasnya, ia penting bagi menutup sebarang spekulasi berkaitan politik mengenai tindakan siasatan yang sedang dibuat terhadap Nafas oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Sebab spekulasi yang dimirkan isu Amanah (Parti Amanah Negara) mahu kuasai Nafas, nak membuang orang UMNO dalam Nafas. Sebab itu saya beritahu kepada Zahid dan dia bersetuju 100 peratus. Tak ada kena mengena dengan parti politik di sini."

"Yang penting, dia (Zahid) pun bersetuju (siasatan) dan dia sebut pula nama-nama orang berkaitan, tapi saya tak mahu sebut di sinilah. Itu serah kepada SPRM. Bukan kita nak mengemukakan sesiapa tanpa maklumat yang kita dapat dengan jelas," katanya



Mohamad (kanan) menerima cenderahati daripada Pengerusi Amanah Perak, Datuk Asmuni Awri selepas menyempurnakan Konvensyen Amanah Negeri Perak 2024 pada Ahad.

LAPORAN
MUKA
DEPAN

kepada pemberita.

Beliau yang juga Presiden Amanah berkata demikian selepas menyempurnakan Konvensyen Amanah Negeri Perak 2024 di Pusat Konvensyen Casuarina di sini pada Ahad.

Sementara itu, Mohamad berkata, Majlis Penasihat Nafas diketuai bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Zainal Rahim Seman yang telah memulakan tugas selepas dilantik pada 8 November lalu diberikan kebebasan untuk melakukan agenda reformasi pertubuhan berkenaan.

"Kita beri kebebasan sebab dia orang profesional dan kita memilihnya berdasarkan integriti semasa menjadi pegawai dahulu."

"Saya nampak bila keagamaan dapat diperbetulkan, kita akan bergantung kepada reformasi dalam Nafas itu sendiri. Bila ia selesai, baru kita akan balik semula dengan pindaan baharu yang akan kita kemukakan," katanya.

Pada 2 November lalu, SPRM memulakan siasatan berhubung kewujud-

an kartel dalam pengagihan dan perbekalan kontrak baja padi di sebuah perubuhan di bawah kawalan sebuah Kementerian yang dianggarkan bernilai RM1.8 bilion.

Difahamkan, beberapa siri pembongkaran telah dilakukan suruhanjaya berkenaan di sekitar Kuala Lumpur termasuk di ibu pejabat pertubuhan, Kementerian dan sembilan syarikat yang mendapat projek berkaitan.

Seterai sebelum itu, media melaporkan Perlembagaan Nafas digantung berkuat kuasa pada 1 November lalu bagi menambah baik tata kelola dan tadbir urus pertubuhan tersebut.

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Amir Matamin berkata, selaku Pendaftar Pertubuhan Peladang, beliau mengeluarkan arahan tersebut di bawah Seksyen 20 (1) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109), susulan konflik dalaman dan ketidakharmonian yang menjejaskan operasi dan fungsi Nafas.

Gantung Perlembagaan NAFAS tiada kaitan ideologi politik

Mohamad akui ada pihak cuba mainkan isu konon AMANAH mahu buang wakil UMNO

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menegaskan, tindakan gantung Perlembagaan dan siasatan terhadap pihak berkuasa terhadap Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), tiada kaitan dengan perbezaan ideologi politik di antara eksekutif dan jemaah pengarah pertubuhan itu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, mengakui wujud spekulasi cuba dimainkan yang memberi gambaran seolah-olah Parti Amanah Negara (AMANAH) di bawah pimpinannya menegambil alih NAFAS dan membuang wakil UMNO daripada pertubuhan itu.

Tegasnya, sebelum tindakan diambil terhadap NAFAS beliau sendiri berjumpa dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi,

yang juga Presiden UMNO, bagi menjelaskan bahawa langkah itu tiada kaitan dengan agenda politik.

Katanya, penjelasan itu kemudiannya disokong penuh oleh Ahmad Zahid yang mahukan agar manfaat menerusi NAFAS tidak hanya pergi kepada beberapa individu tertentu sahaja, sebaliknya kepada rakyat.

"Sebelum saya hendak bertindak dalam NAFAS, saya berjumpa dahulu dengan Datuk Seri Zahid (Ahmad Zahid). Saya tahu isu serta spekulasi yang akan dimainkan adalah AMANAH (Parti Amanah Negara) akan mengambil alih NAFAS dan membuang UMNO.

"Saya, jumpa Datuk Seri Zahid, saya kata yang NAFAS, kita akan bertindak ini tiada kena mengena dengan politik. Dia kata, 'Bang Mat (panggilan Ahmad Zahid kepada Mohamad), saya sokong penuh'. Dia pula yang menamakan orang pemimpin atas yang tak guna itu.

"Dia (Ahmad Zahid) yang nampak sendiri... 'Bang Mat, kalau bertindak, buang orang ini, buang orang ini. Ertinya, Presiden UMNO (ahu apa yang berlaku dalam NAFAS),' katanya ketika bertucap merasmikan Konvensyen AMANAH Negeri Perak di Pusat konvensyen Casuarina di sini semalam.

Hadir sama di konvensyen itu termasuk Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Perak, Datuk Seri Dr Muhajid Yusof, Pengerusi AMA-



Mohamad melancarkan Tabung Solidariti Palestin pada majlis perasmian Konvensyen AMANAH Negeri Perak di Ipoh, semalam. (Foto L Manuaram/BH)

NAH Perak, Datuk Asmuni Awi dan Setiausaha UMNO Perak, Datuk Aminuddin Md Hanafiah.

Dalam sidang media selepas itu, Mohamad berkata, beliau tidak berhasrat memuding jari kepada mana-mana pihak ternasuk terhadap pentadbiran kerajaan terdahulu dalam isu membela NAFAS, yang turut memberi tumpuan kepada Kerajaan MADANI ketika ini.

"Saya tidak mahu 'blame' (salahkan) mana-mana kerajaan terdahulu dan sebagainya. NAFAS sudah digantung dan ini kali yang ketiga. Kali pertama Lembaga Pengarahnya digantung dan ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Pertanian,

tegriti untuk reformasi NAFAS.

"Beliau sudah memulakan tugas dan kita beri kebebasan kepadanya memandangkan dia seorang yang profesional dan kita memilihnya berdasarkan integriti semasa dia menjadi pegawai (kerajaan) dahulu. Tan Sri juga sanggup memikul tanggungjawab untuk melihat tatakelol dalam NAFAS.

"Saya nampak bila keadaan dapat diperbetulkan, kita akan bertungkus-bungkus kepada reformasi yang berlaku dalam NAFAS. Bila selesai kelak, kita akan berbalik semula dengan pindaan-pindaan baharu yang akan kita kemukakan dalam hal tatacara NAFAS itu sendiri.

"Kali yang kedua (pengantungan) berlaku pada zaman (Al-Jahyharham) Datuk Seri Salahuddin Ayub (sebagai Menteri Pertanian). Kali ini adalah ketiga dan panjang serta komprehensif, kita akan sekali gus membuat struktur baharu dalam NAFAS," katanya.

Pilih berasaskan integriti

Mengenal pelantikan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Zainal Rahim Seman, sebagai Pengerusi Majlis Penasihat NAFAS yang baharu, Mohamad berkata kebebasan diberikan kepada Zainal Rahim yang dianggap sebagai profesional dan dipilih berasaskan in-

11/11/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

4

Dedahkan siapa pemimpin Nafas tidak guna itu

ARAU: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu digesa mendedahkan siapakah pemimpin terlibat yang mengundang kepincangan dalam urusan tadbir Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, hal demikian penting kerana ia melibatkan duit rakyat yang disalah guna selain memberi kesan kepada petani sebelum ini.

Dalam masa sama, beliau juga berharap, kepimpinan Nafas selepas ini tidak lagi melibatkan orang politik sebaliknya melantik individu yang benar-benar layak.

"Kalau boleh kita minta menteri (Mohamad Sabu) dedah siapa pemimpin di dalam Nafas sebelum ini yang menyebabkan kepincangan di dalam pertubuhan itu khususnya membabitkan isu pembekalan baja.

"Dedah siapa pemimpin itu dan selepas ini tidak perlu lagi lantik orang politik, ambil mereka yang cerdik pandai dalam bidang ini. Bagi orang politik pegang boleh merosakkan," katanya semalam.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, reformasi tatakelola



MOHD. SHAZWAN SUBAN

dalam Nafas tiada kaitan dengan politik kononnya Amanah mahu menyingkirkan UMNO daripada pertubuhan itu.

Mohamad Sabu dilaporkan berkata, beliau sendiri berjumpa dengan Timbalan Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berhubung tindakan terhadap Nafas.

Kata Mohamad, Ahmad Zahid menyokong tindakan tersebut malah menamakan beberapa individu di dalam pertubuhan tersebut.

"Pak Mat saya sokong penuh. Dia pula namakan pemimpin Nafas yang tak guna itu," kata Mohamad.

SPECULATION

'ACTIONS AGAINST NAFAS NOT POLITICAL'

Amanah chief says Zahid agreed to probe into farmers' organisation

ZAHRAATULHAYAT MAT ARIF
IPOH
news@nst.com.my

with Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, who is Umno president.

He said this was important to quell speculation surrounding the investigation into Nafas by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC).

Mohamad said: "The speculation is that Amanah (Parti Amanah Negara) wants to control Nafas and remove Umno members in Nafas.

"That's why I informed Zahid, and he agreed 100 per cent that this has nothing to do with any party.

"The important thing is that Zahid also agreed (to the investigation), and he even mentioned the names of those involved, but I won't name them here.

"That is up to MACC. We are not punishing anyone without clearly obtaining information."



Datuk Seri Mohamad Sabu

Mohamad, who is Amanah president, said this after opening the Perak Amanah Convention here yesterday.

Present were Perak Pakatan

Harapan chairman Datuk Seri Dr Mujahid Yusof and Perak Amanah chairman Datuk Asmuni Awi.

Mohamad said the Nafas Advisory Council, headed by former Public Service Department director-general Tan Sri Zainal Rahim Seman, who began his duties after being appointed on Nov 8, has been given the freedom to carry out the organisation's reform agenda.

"We have granted him freedom because he is a professional and he has been chosen based on his integrity during his service.

"Tan Sri is also keen to oversee the governance of Nafas.

"I believe that once all issues are resolved, we will focus on the reforms in Nafas.

"When they are complete, we will proceed with implementing new amendments," he said.

On Oct 29, it was reported that MACC was investigating a cartel involved in the distribution and supply of padi fertiliser contracts valued at RM1.8 billion linked to a ministry.

A day later, it was reported that MACC detained a marketing executive from a company linked to a padi fertiliser procurement project valued at RM60 million.

Following the arrest, the graft-busters arrested four more people, including two former general managers of a public organisation.

The constitution of Nafas was suspended effective Nov 1.

The order was issued by Farmers' Organisation Authority director-general Amir Matamin, acting as the registrar of farmers' organisations under Section 20(1) of the Farmers' Organisations Act 1973 (Act 109).

13,000 pets vaccinated against rabies

SEREMBAN: The Veterinary Services Department has vaccinated 13,592 owned dogs and 165 cats in Sarawak for rabies disease prevention from January until October.

Its director-general Dr Akma Ngah Hamid said Sarawak recorded 81 rabies cases among humans, 74 deaths due to the disease from 2017 to October and 1,103 rabies cases among animals, of which 88.9% were dogs, 10.9% were cats and 0.2% were goats.

He said 6,928 owned dogs in rabies buffer zones in Peninsular Malaysia and Sabah received vaccinations from January until October to boost their immunity and prevent rabies infections among the population.

"There are enough vaccines. Purchases are made based on the population of dogs.

"We have surplus rabies vaccines and owners are encouraged to have their pets

take the vaccines.

"Pet owner awareness, especially those in states between 50km and 80km of the Thai border, is very high. They usually get rabies vaccinations for their dogs annually," he said after launching World Rabies Day in Palm Mall near here on Saturday.

Akma said pet owners in rabies prone areas are urged to vaccinate their pets annually to protect them and other humans from rabies.

He said this year's World Rabies Day, themed "Breaking Rabies Boundaries", aimed to urge the public to protect themselves by raising awareness and provide continuous commitment towards the rabies threat.

He also said rabies is a zoonotic disease that can infect animals and humans through bites, scratches and open wounds, mouth and eyes exposed to saliva from an infected animal,

adding that the disease can infect all mammals, including dogs, cats, monkeys, bats, foxes and humans, by attacking their brain cells, affecting the nerve system and causing death if not treated immediately.

He said the Agriculture and Food Security Ministry, through the department and with the cooperation of the Health Ministry and NGOs, are committed and taking proactive steps to address rabies in the country.

He expressed hope that other related agencies, such as local authorities, would take measures to control stray dog populations in their respective states to curb rabies.

He said in conjunction with World Rabies Day, various activities, including dog performances, cat exhibitions, rabies awareness seminars, colouring contests and pet shop stalls, were organised. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2024	KOSMO	NEGARA	18



BANGKAI ikan lumba-lumba yang ditemui terdampar di pantai Teluk Bahang, Balik Pulau baru-baru ini.

Bangkai ikan lumba-lumba di Teluk Bahang

BALIK PULAU – Bangkai ikan lumba-lumba dianggarkan seberat 45 hingga 75 kilogram (kg) ditemukan terdampar di persisiran pantai Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

Penemuan itu menjadikan sebanyak enam kes dicatatkan melibatkan ikan lumba-lumba yang mati terdampar di pantai Pulau Pinang tahun ini.

Pengarah Perikanan Pulau Pinang, Zarina Zainuddin berkata, ikan lumba-lumba itu daripada spesies Porpois Ambu (*Finless Porpoise*) dan bangkainya dipercayai dibawa arus ombak ke pantai berkenaan.

“Punca kematian ikan lumba lumba ini mungkin disebabkan perlanggaran kapal, terperang-

kap pada pukuk, terlepas atau mengejar makanan di kawasan yang cetek.

“Ini adalah kes keenam yang dicatatkan melibatkan penemuan ikan lumba-lumba terdampar di pantai di negeri ini,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Terdahulu, tular di media sosial mengenai penemuan bangkai ikan lumba-lumba di kawasan pantai berhampiran sebuah hotel di Teluk Bahang.

Pada Khamis lalu, media melaporkan seekor ikan lumba-lumba berjaya diselamatkan oleh nelayan di kawasan Teluk Kumbar selepas dilaporkan tersesat memasuki kawasan perairan cetek.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2024	NST	ONLINE	

Fama receives 6,000 food kits from Nadma for Pahang flood victims



The Pahang Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has received 6,000 food kits from the National Disaster Management Agency (Nadma) to be distributed to disaster victims during the northeast monsoon season. NSTP / MOHD RAFI MAMAT

KUANTAN: The Pahang Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has received 6,000 food kits from the National Disaster Management Agency (Nadma) to be distributed to disaster victims during the northeast monsoon season.

Its director Saiful Sadri said the agency has so far distributed 2,000 food kits under the first phase to families at flood relief centres.

"Fama has been tasked with the responsibility to supply the food kits to Pahang Civil Defence Force (APM) who will hand it out to families seeking shelter at flood relief centres across the state.

"Each food kit consists of basic necessities and ready-to-eat food which can last between one and three days depending on the number of family members.

"The ready-to-eat meals, include rice along with chicken or beef recipes can be prepared instantly," he said when contacted yesterday.

Meanwhile, Pahang APM deputy director Mejar (PA) Mohd Zairosnizam Mohd Tarmizi said the first batch consisting 2,000 food kits was distributed to all 11 APM offices across the state.

"Each family evacuated to the flood relief centres will be only entitled to one food kit. Families can consume the food kit before the relief centre makes arrangements for cooked food," he said.

Today, [99 people were evacuated](#) to two temporary evacuation centres after floods struck Kampung Tok Machang and Kampung Ulu Gali in Raub.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2024	THE EDGE	ONLINE	

Authority expands market access to bring farmers' produce to major supermarkets



Reuters filepix for illustration purpose only.

MELAKA (Nov 10): The Farmers' Organisation Authority (LPP) is working to expand market access for its entrepreneurs, aiming to place farmers' produce in major supermarkets nationwide.

Its chairman Datuk Mahfuz Omar said the initiative seeks to make farmer products more accessible to the public, emphasising that these products match the quality and taste of popular brands.

"So far, farmer products are available at Peladang Outlets in Area Farmers' Organisations (PPK) and State Farmers' Organisations (PPN) across the country, with 20 outlets overall, and at the Malaysia Agriculture, Horticulture, and Agrotourism Exhibition (Maha).

"We have started collaborating with Lotus's, with plans to place farmer products on their shelves, beginning with promotional roadshows at select stores," he told reporters at the Produk Peladang @ Lotus's Promotion Roadshow, which was also attended by LPP director general Amir Matamin.

Mahfuz added that the LPP is exploring international markets for these products, aiming to boost farmers' income through export sales.

To meet rising demand, the LPP will gradually expand the Peladang Outlet (PO) network, depending on funding through the 13th Malaysia Plan (RMK13).

"We also plan to enhance existing outlets by adding cafés, which will add value and attract visitors, particularly coffee enthusiasts, to shop at these locations," he added.

Currently, there are eight PO cafés nationwide, including in Melaka PPN, Negeri Sembilan, Cameron Highlands PPK in Pahang, Changlun PPK in Kedah, and Pokok Sena PPK in Penang.

The Produk Peladang @ Lotus's Roadshow covers five locations, with Melaka as the second stop after Setia Alam, Selangor. Upcoming stops include Manjung, Perak (Nov 23-Dec 1), Sungai Petani, Kedah (Dec 7-15), and Tebrau, Johor (Dec 21-29).

The Melaka leg, running for nine days, features 130 stock-keeping units (SKUs), including 50 products by Melaka farmers.

type to start searching

HENTIKAN!
PEMERDAGANGAN ORANG
& PENYELUDUPAN MIGRAN

HUBUNGI : **03 8000 8000**

GENERAL > NEWS

Penang DOE Investigates Suspected Pollution Near Floating Mosque

🕒 10/11/2024 09:43 PM



GEORGE TOWN, Nov 10 (Bernama) -- The Penang Department of Environment (DOE) is investigating a suspected pollution incident in the waters near the Floating Mosque in Tanjung Bungah, here.

Its director Norazizi Adinan said the department has asked the State Fisheries Department and the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) to look into the matter after images showing brown streaks in the waters went viral on social media.

"The DOE will investigate this issue, and it appears to be a possible act of sabotage or intentional, given its location in a highly visible area," he told Bernama today.



Persatuan Insurans Hayat Malaysia
Life Insurance Association of Malaysia

50
Years of Life Insurance

A LEGACY OF PROGRESS,
A FUTURE OF PROMISE

FIND OUT MORE ▶

Meanwhile, Penang Fisheries Department director Zarina Zainuddin said the department has not yet received any information on the incident.

"I was just informed of the matter and have not received any updates. We will investigate further," she said.

The incident, which quickly gained attention on social media, has led to various speculations.



-- BERNAMA

BERNAMA provides up-to-date authentic and comprehensive news and information which are disseminated via BERNAMA Wires; www.bernama.com; BERNAMA TV on Astro 502, unifi TV 631 and MYTV 121 channels and BERNAMA Radio on FM93.9 (Klang Valley), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) and FM100.9 (Kuching) frequencies.

Follow us on social media :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#),

[@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KEYWORDS

viral investigate pollution penang doe floating mosque

RELATED NEWS



Claim In Viral Video Of Animal Carcass Disposal Site In Manjung False - Cops

🕒 9h ago

SKIM TAKAFUL TANAMAN PADI (STTP) AGROBANK

Lindungi risiko kerugian

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Sungai Besar

Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) menerusi Bank Pertanian Malaysia (AgroBank) diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini menyuntik semangat pesawah mempertabankan tanaman padi yang menjamin sekuriti makanan negara.

Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) ini diketendalikan oleh Agro Captive Takaful Limited (ACTL) yang merupakan anak syarikat milik penuh AgroBank.

Inisiatif menjadi skim takaful patuh syariah pertama di Malaysia dan di Asia Tenggara itu menarik perhatian mereka kerana ia melindungi risiko kerugian akibat bencana alam seperti banjir, kemarau, serangan penyakit serta makhluk perosak sering menengancam tanaman padi.

Menariknya, hanya tanaman padi sahaja dilindungi dengan pesawah layak menyertai STTP adalah war-ganegara berumur lebih 18 tahun, menjalankan aktiviti di kawasan ditetapkan dan berdaftar di bawah Skim Baita Kerajaan Persekutuan (SBPKP) serta pemegang akaun (deposit atau pembiayaan) AgroBank.

Pesawah, Imran Kasri, 40, berkata, dia teruja mengisi borang STTP apabila dimaktumkan pelbagai manfaat bakal diterima selain membentahu kepada rakan lain.

"Saya sendiri mengusahakan 12 hektar sawah sejak 18 tahun lalu. Setiap musim saya dan pesawah lain berdepan pelbagai cabaran dan dugaan dari menanam hingga menuai padi. Dengan adanya STTP, saya bersyukur dan berterima kasih dengan keprihatinan pihak bertanggungjawab mendengar luahan pesawah. Paling penting komitmen kami selepas ini untuk mengusahakan sawah dengan lebih bersemangat," katanya ditemui di Parit 11 Timur di sini.

Bapa empat anak berusia tujuh hingga 15 tahun itu juga melahirkan keyakinan untuk meningkatkan mutu padi di kawasan Sungai Besar yang kini berada dalam keadaan kritikal.

"Sejak 10 tahun lalu, hasil padi semakin menurun.



SHAHARUDIN (kiri) dan Imran (kanan) menunjukkan produk AgroBank iaitu Skim Takaful Tanaman Padi (STTP).

Sebelum ini, kami boleh memperoleh hasil sekitar lapan hingga 10 tan namun sekarang tinggal sekitar tiga ke empat tan sahaja.

"Perkara ini tidak boleh dibiarkan kerana padi adalah sekuriti makanan negara. Walaupun tidak boleh menjangka apa yang akan berlaku (risiko) akan datang, kami perlu komited mempertahankan tanaman ini," katanya.

Bagi rakannya, Shahardin Ibrahim, 49, STTP dilihat memberi jaminan kepada pesawah sekiranya perkara tidak diingini berlaku seperti bencana alam.

"Kami tidak minta ia datang, tapi sekurang-kurangnya 26 tahun yang me-

ngusahakan sawah sejak 10 tahun lalu memuji kesungguhan AgroBank dalam membela nasib pesawah.

Untuk rekod, kerajaan memperuntukkan dana permulaan sebanyak RM50 juta bagi memastikan pesawah terbabit menerima perlindungan kewangan mencukupi apabila berdepan kerugian hasil tanaman akibat bencana.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif AgroBank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin dilaporkan berkata, skim perlindungan ini memberi manfaat besar kepada pesawah yang sering terdedah kepada risiko cuaca buruk dan penyakit tanaman.

Menurut beliau, skim itu menawarkan perlindungan kewangan sehingga RM3,000 bagi setiap pesawah yang mengalami kehilangan tanaman akibat bencana alam seperti banjir atau kemarau. Selain itu, bagi serangan penyakit dan mahluks perosak, perlindungan sehingga RM1,500 ditawarkan bagi setiap hektar semusim.

Tambah beliau, jumlah perlindungan ini lebih tinggi berbanding tabung bencana sedia ada yang secara tidak langsung membantu meringankan beban pesawah berdepan situasi genting.

"Paling penting komitmen untuk usahakan sawah dengan lebih bersemangat"
Imran Kasri



IMRAN memastikan sawah padi yang diusahakan di Parit 11 Timur, Sungai Besar bebas perosak. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

STTP AgroBank lindungi risiko kerugian pesawah

Sungai Besar: Skim Takaful Tamanan Padi (STTP) dikendalikan Agro Captive Takaful Limited (ACTL) yang merupakan anak syarikat milik penuh Bank Pertanian Malaysia (AgroBank) diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, baru-baru ini menyuntik semangat pesawah untuk mempertahankan tanaman padi yang menjamin sekuriti makanan negara.

Inisiatif yang menjadi skim takaful patuh syariah pertama di Malaysia dan di Asia Tenggara itu menarik perhatian pesawah kerana ia melindungi daripada risiko kerugian akibat bencana alam seperti banjir, kemarau, serangan penyakit, serangga dan makhhluk perosak yang sering mengancam tanaman padi.

Menariknya, hanya tanaman padi dilindungi bagi pesawah yang layak menyertai STTP di bawah kendalian ACTL dan mesti warganegara berusia lebih 18 tahun, menjalankan aktiviti di kawasan yang ditetapkan dan berdaftar di bawah Skim Baja Kerajaan Persekutuan (SBPKP) serta memegang akaun (deposit atau pembiayaan) AgroBank.

Pesawah, Imran Kasri, 40, berkata dia teruja mengisi bo-
rang STTP apabila dimaklum-

kan pelbagai manfaat bakal diterima.

"Saya mengusahakan 12 hektar sawah sejak 18 tahun lalu. Setiap musim, saya dan pesawah lain berdepan pelbagai cabaran dan dugaan daripada menanam hingga menuai padi. Itu belum lagi dicampur dengan harga input seperti baja, diesel dan racun serangga yang melambung.

"Dengan STTP, saya bersyukur dan berterima kasih dengan keprihatinan pihak yang bertanggungjawab mendingkang luahan pesawah. Paling penting komitmen kami selaras untuk mengurangkan sawah dengan lebih berseamangat," katanya ketika ditemui di Parit Timur, di sini, baru-baru ini.

Bapa kepada empat anak berusia tujuh hingga 15 tahun itu juga melahirkan keyakinan untuk meningkatkan mutu padi di kawasan Sungai Besar yang kini berada dalam keadaan kritikal.

"Sejak 10 tahun lalu, hasil padi semakin menurun. Sebelum ini, kami boleh memperoleh hasil sekitar lapan hingga 10 tan, namun sekarang tinggal sekitar tiga ke empat tan sahaja.

"Perkara ini tidak boleh dibiarkan kerana padi adalah sekuriti

makanan negara. Walaupun tidak boleh menjangka apa yang akan berlaku (risiko) akan datang, kami perlu komited mempertahankan tanaman ini," katanya.

Rakannya, Shahrudin Ibrahim, 49, berkata STTP dilihat memberi jaminan kepada pesawah sekiranya perkara tidak diingini berlaku seperti bencana alam.

"Kami tidak minta ia datang, tetapi sekurang-kurangnya terjaminlah sedikit dengan adanya inisiatif ini.

"Walaupun masih baharu dalam kalangan pesawah, saya akan mempromosikan STTP kepada rakan lain kerana ini peluang keemasan yang perlu di-



Imran (kanan) dan Shahrudin (kiri) bersama pesawah menunjukkan risalah berkaitan Skim Takaful Tamanan Padi ketika ditemui di Parit Timur, Sungai Besar baru-baru ini.

rebut kerana tawarannya menarik," katanya.

Bapa kepada tiga anak berusia 21 hingga 26 tahun itu yang menguruskan sawah sejak 10 tahun lalu memuji kesungguhan AgroBank dalam membela nasib pesawah.

Untuk rekod, kerajaan memperuntukkan dana permulaan serendah RM50 juta bagi memastikan pesawah yang terabit menerima perlindungan kewangan yang mencukupi apabila berdepan kerugian akibat bencana.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif AgroBank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata skim perlindungan ini akan memberi manfaat besar kepada

pesawah yang sering terdedah kepada risiko cuaca buruk dan penyakit tanaman.

Bellau berkata, skim itu menawarkan perlindungan kewangan sehingga RM3,000 bagi setiap pesawah yang mengalami kerugian akibat bencana alam seperti banjir atau kemarau. Selain itu, bagi serangan penyakit dan makhhluk perosak, perlindungan sehingga RM1,500 ditawarkan bagi setiap hektar musim.

Katanya, jumlah perlindungan ini adalah lebih tinggi berbanding tabung bencana sedia ada, yang secara tidak langsung akan membantu meringankan beban pesawah apabila berdepan situasi genting.

AgroBank padi scheme boosts protection

TANJONG KARANG: The Padi Crop Takaful Scheme (STTP) under the management of Agro Captive Takaful Limited (ACTL), a subsidiary of Agrobank, has given padi farmers peace of mind by protecting their crops, which are essential to the country's food security.

This initiative, which is the first takaful scheme for rice farming in Malaysia and Southeast Asia, has garnered attention for its syariah-compliant protection against risks such as natural disasters (floods and droughts), disease outbreaks and pests.

Only rice crops are covered under this scheme, and eligible farmers must be Malaysian citizens over the age of 18, operating in designated areas, registered under the Federal Government Fertiliser Scheme (SBPKP), and must be account holders (either deposit or financing) with AgroBank.

One of the farmers, Imran Kasri, 40, shared his excitement about filling out the STTP application form after learning about the various benefits it offers.

"I have been managing 12ha of padi fields for 18 years. Every season, my fellow farmers and I face various challenges, from planting to harvesting. That's not including the rising costs of inputs such as fertiliser, diesel and pesticides," he said.

"With the STTP, I'm grateful that action is being taken to ease the struggles of rice farmers. Most importantly, this initiative motivates us to work even harder on our fields," he said.



Padi farmers Shahrudin Ibrahim (right) and Imran Kasri looking at their fields. NSTP. PIC BY FAIZ ANUAR

crop," he said.

Shahrudin Ibrahim, 49, also sees the STTP as a safety net for farmers in case of unforeseen disasters.

"We don't wish for disasters, but at least we have some protection with this initiative," he said.

"Even though it's still new among farmers, I will promote STTP to my peers because this is a golden opportunity that we need to grab, as the offer is very attractive," he added.

Shahrudin, a father of three children aged 21 to 26, who has been managing his rice farm for the past 10 years, praised AgroBank's dedication to improving the welfare of farmers.

The government has allocated an initial fund of RM50 million to ensure that participating farmers receive adequate financial protection when faced with crop losses due to disasters.

AgroBank president and chief executive officer Datuk Tengku Ahmad Badi Shah Raja Hussin had said this protection scheme provided significant benefits to farmers, who were exposed to risks, from extreme weather conditions to plant diseases.

The scheme offers financial protection of up to RM3,000 for each farmer whose crops are damaged due to natural disasters like floods or droughts and RM1,500 per ha for harvests lost to pests and diseases.

Tengku Ahmad Badi Shah said that the coverage was higher than the existing disaster fund.

"This cannot be allowed to continue because rice is our country's staple food. While we cannot predict what disasters might come, we must remain committed to protecting this

For the past 10 years, rice yields have been declining. In the past, we could harvest around 8 to 10 tonnes, but now it's only about 3 to 4 tonnes," he said.

A father of four children aged 7 to 15, Imran expressed his confidence in improving the quality of rice in the Sungai Besar area, which is currently facing a critical situation.

Johor wartakan tanah projek keterjaminan makanan

JOHOR BAHRU – Kerajaan negeri sudah mewartakan tanah bagi projek keterjaminan makanan di Segamat dalam usaha meningkatkan hasil pertanian negara.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, kawasan seluas 800 hingga 1,200 hektar itu sudah dikenal pasti dan tidak terlibat dengan banjir.

“Aktiviti pertanian seperti tanaman sayur-sayuran terutamanya ayam dan ternakan ayam. Kita akan putuskan tanaman sesuai termasuk herba.

“Kita juga sudah kenal pasti beberapa usahawan dari dalam dan luar negeri yang berpotensi untuk menjayakannya.

“Ia kini di peringkat akhir perancangan dan dijangka Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi akan umumkan dalam Belanjawan Johor 2025 hujung bulan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Pelancaran Program Satu Pemimpin, Satu Kampung (Santuni Madani) di Dewan Hassan Abdullah, Kampung



Mohammad Hardee (kiri) dan Zahari (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada Majlis Pelancaran Program Santuni Madani di Kampung Pasir, Johor Bahru pada Ahad.

Pasir di sini pada Ahad.

Hadir sama, Pemangku Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank, Datuk Dr Mohammad Hardee Ibrahim; Pemangku Ketua Pegawai Strategi Korporat Kumpulan SME Bank, Hamdan Mohd Habibollah dan Ketua SME Bank Wilayah Selatan, Maniza Mohd Abu.

Terdahulu, Zahari berkata, arahan sudah dikeluarkan kepada semua pihak termasuk

jabatan perikanan, pertanian dan veterinar supaya lebih bersedia sedia menghadapi Monsun Timur Laut (MTL).

“Kita harap MTL tahun ini tidak seburuk sebelumnya. Bagaimanapun, semua jabatan sudah membuat pemantauan hasil tangkapan dan pertanian,” katanya.

Sementara itu, Mohammad Hardee berkata, program berkenaan memberi manfaat kepada 8,000 penduduk kampung.

11/11/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

8

Kawal pasaran benih, baja dan racun

Puluhan tahun pesawah 'dimain' kartel

Oleh MOHD HAFIZ
AID, MUTALIM

hafiz.mutalim@utusan.com.my

KANGAR: Kewujudan kartel yang mengawal harga dan belian benih, baja dan racun pertanian, padi dan racun sudah lama merupakan pesawah yang terpaksa berdepan. Sebagai masalah patung, petani-petani yang menunggui ada yang menunggui sebahaknya sudah, belian dan pembelian mereka sudah dan sudah tiba masanya kerajaan memberi pembelian kepada pesawah bu- fari padi.

Justeru, para pesawah meng- gesa agar kerajaan bukan sahaja perlu membongkarkan permai- ran kartel sebaliknya mengina- kan pesawah yang terpaksa ber- merka agar petani tidak terus menjadi anai kepada kartel atau syarikat besar ini bagi mengaut kemewahan.

Berucap kepada Utusan Ma- laya, seorang pesawah, Mohd Noor Hashim, 60, berkata, antara paling ketara permainan kartel- kartel belian harga dan kele- watan belian benih padi setiap kali musim menanam dan per- mainan pesawah.

Katanya, angkara permainan kartel yang menguasai pasaran, harga benih padi yang sebelum ini, hanya RM35 telah mence- rang kepada RM100, dan petani terpaksa membeli dan menanam terus.

Selain itu, katanya, masalah sama turut melibatkan pem- belian dan permainan harga upah pertanian lain seperti baja

dan racun. "Sebagai contoh racun, meski- pun, pesawah sudah memulakan tanaman namun racun masih tidak sampai-sampai kepada pe- sawah. Masalah kartel ini bukan hanya malar sudah berlanjutan se- selama ini," katanya.

"Akhir tindakan kartel-kartel yang memonopoli menentukan harga padi, benih, baja dan racun mengakibatkan pesawah yang menunggui sebahaknya sudah, belian dan pembelian mereka sudah dan sudah tiba masanya kerajaan memberi pembelian kepada pesawah bu- fari padi," katanya.

Kelmarin, Utusan Malaysia melaporkan, isu belian dan beka- lar sudah lama dihadapi pesawah yang berurusan sejak ham- pir dua tahun lalu dijangka mampu selesai selepas kerajaan akhirnya akan mendedahkan kartel padi dan harga yang sama ini men- dusur harga yang sama kepada in- dustri beras tersebut.

Justeru, Pengerusi Gabu- rangan Pengilang-Pengilang Be- ras Malaysia, Marzuki Othman berkata, sebagai langkah mende- kharkan kartel kartel belian, mengesakan kerajaan segera mendedahkan kartel belian dan sekali gus mengambil tindakan secepat-cepatnya.

"Tindakan, adalah ini juga mendedahkan kartel padi dan beras yang selama ini men- cangkam industri tersebut se- hingga mengaut keuntungan ke- atas pesawah petani, maka- nia dengan kritikal.

Timbalan Menteri Perdag- angan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Dr. Fuziah Salleh diapo-

kan berfala, perundangan kartel dan permainan kartel ini akan Perdana Menteri, Datuk Seri An- war Ibrahim kelak.

Mengulas lanjut, Mohd. Noor berkata, kartel-kartel belian ini juga menguasai pasaran beras tempatan tidak ada di pasaran dengan pesawah juga terpaksa membeli beras import untuk kegunaan sendiri.

"Kegagalan beras tempatan tidak dapat memenuhi keperluan petani di negara ini mem- bakalkan sehingga 60 peratus bekalan beras tempatan," la- tanya.

Seterusnya, Mohd. Noor ber- ucara, "Kartel-kartel ini akan ber- kar secara luhur-halus per- mainan kartel-kartel terbit yang selama ini telah menyusah- kan pesawah di negara ini.

Nasib yang lagi pesawah, zaidi memonopoli bukan perkara ini. Nanti, pesawah akan berfala ha- ru malar sudah belian dan sepak sebak lama khususnya berkaitan isu belian.

Katanya, kartel-kartel terse- but akan berfala ha- ru malar sudah belian dan sepak sebak lama khususnya berkaitan isu belian.

"Kudrat daripada pesawah ini, kartel memproleh keun- tungan manakala pesawah in- dustry mendapat keuntungan pe- sawah. Pesawah yang berfala ha- ru menguasai pasaran ini tidak seperti kelewatan belian tidak terjadi.

Ini tidak, masalah sama- rnis belian dan belian sudah masuk berdepan masalah sama setiap musim. Selalunya, benih, jika tidak benih, baja atau racun pula lewat," katanya.

KEWUJUDAN kartel yang mengawal harga dan belian padi pertanian telah menyeksa pesawah sejak sekian lama.

